

02/12/1999

Perkongsian strategik tingkat daya saing

Wan Jailani Razak; Ebi Azly Abdullah; Abdul Halim Yusoff

LANGKAWI, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu syarikat maritim dan aeroangkasa tempatan memikirkan kaedah perkongsian strategik dengan firma antarabangsa atau bergabung supaya lebih berdaya saing dalam menghadapi persaingan sengit di pasaran.

Melalui cara itu, kata Perdana Menteri, mereka bukan saja dapat mewujudkan perkongsian perniagaan yang lebih kukuh dalam jangka panjang serta meneroka pasaran yang meningkat di rantau, tetapi boleh mengambil kesempatan daripada kadar kompetitif mata wang Malaysia serta tenaga kerja mahir dan berdisiplin.

"Industri aeroangkasa dan maritim berintensifkan teknologi dan bernilai tambah, yang boleh menjadi pemangkin bagi pembangunan teknologi baru dan pertumbuhan ekonomi.

"Dalam pasaran sejagat sekarang, hanya syarikat yang teguh akan kekal maju. Untuk berjaya, sesebuah organisasi perlu mempunyai kelebihan tersendiri yang dapat dicapai menerusi peningkatan berterusan mutu produk, perkhidmatan, produktiviti dan kawalan kos," katanya ketika merasmikan Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi 1999 (Lima 99) di sini hari ini.

Kira-kira 1,000 syarikat tempatan dan antarabangsa menyertai pameran enam hari itu. Bahagian maritim dianjurkan oleh HW Lima, manakala bahagian angkasa oleh Le Proton Lima.

Hadir sama ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Pertahanan, Datuk Abang Abu Bakar Mustapha; Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Sanusi Junid; Pengerusi Eksekutif Le Proton Lima Sdn Bhd, Datuk Mohd Radzi Manan dan Pengarah Urusan HW Lima Sdn Bhd, Tan Sri Abdul Wahab Nawi.

Bagi mengukuhkan konsep perkongsian pintar dalam industri berkenaan, Majlis Industri Pertahanan Malaysia (MDIC) yang ditubuhkan kerajaan Ogos lalu, bakal menjadi tapak kepada syarikat asing mencari rakan kongsi tempatan.

Dr Mahathir berkata, syarikat maritim dan aeroangkasa juga perlu lebih agresif mengguna pakai lebih banyak teknologi berasaskan teknologi maklumat (IT) dalam kegiatan mereka.

Beliau berkata, Malaysia berharap masanya akan tiba tidak lama lagi apabila lebih banyak syarikat Malaysia dapat bersaing dan memenangi kontrak antarabangsa dalam sektor aeroangkasa dan maritim.

"Saya percaya rantau Asia Pasifik secara keseluruhannya akan menawarkan peluang perniagaan yang banyak dalam bidang aeroangkasa dan maritim kepada semua pihak," katanya.

Mengenai kehadiran besar pemamer pada pameran kelima Lima 99 kali ini, Perdana Menteri berkata, ia adalah pengiktirafan antarabangsa kepada pameran yang diadakan dua tahun sekali itu.

"Tamatnya kemelesetan ekonomi Asia bermakna keperluan untuk meningkatkan keupayaan pertahanan dan komersil bagi kedua-dua sektor meningkat daripada kerajaan dan sektor swasta negara di rantau ini," katanya.

Lima 99 disokong Kerajaan Malaysia selaras dengan konsep perkongsian pintar dan Persyarikatan Malaysia. Siri pameran Lima membantu kerajaan mengukuhkan asas teknologi untuk menjadi negara maju pada 2020.

Dr Mahathir juga berkata, kedua-dua industri aeroangkasa dan maritim dikenal pasti sebagai jentera penggerak utama yang menyokong kepesatan pembangunan perindustrian dan teknologi negara.

"Sebagaimana industri aeroangkasa, industri maritim juga diiktiraff penting oleh kerajaan. Memandangkan peluang pertumbuhan besar dalam industri ini, pelbagai langkah sudah dan akan diambil bagi meningkatkan keupayaannya," katanya.

Kertas dasar aeroangkasa menggariskan bagaimana pelaburan domestik, pemindahan teknologi, pembangunan dan penyelidikan (R&D) bersama dengan perkongsian pintar akan dapat dilaksanakan dengan terbaik di bawah Pelan Induk Perindustrian negara.

Bidang pertumbuhan yang boleh diteruskan dalam industri maritim termasuk pembangunan kapal persiaran dan melawat ke tasik-tasik menggunakan pesawat amfibia berikutan banyak lagi tasik di Malaysia yang tidak dimajukan.

(END)